

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16 June 2015



DARI kiri: Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Abdul Harith Abdullah; Makio Miyagawa, Osamu Suzuki, Dr. Mahathir Mohamad, Mustapa Mohamed, Syed Mohamad Syed Murtaza dan Ketua Pegawai Operasi, Pengedaran Automotif dan Pembuatan DRB-HICOM, Datuk Radzaif Mohamed bergambar selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman dan perjanjian lesen antara Proton, DRB-HICOM dan Suzuki di Shah Alam, semalam. - UTUSAN/IZHAM JAAFAR

Proton, Suzuki jalin kerjasama

Um - 16/6/2015

Oleh ZULKIFLI SAINUDDIN
ekonomi@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 15 JUN

PROTON Holdings Berhad (Proton) hari ini secara rasmi menjalin kerjasama dengan Suzuki Motor Corporation (Suzuki) dari Jepun dalam usaha menguasai pasaran kereta kompak negara.

Pengerusinya, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Proton juga menyasarkan untuk mengeluarkan kereta kompak pertama hasil kerjasama itu pada tahun depan.

Menurutnya, kerjasama strate-

gik jangka panjang tersebut merangkumi empat kategori utama iaitu produk, teknologi, tenaga kerja dan pasaran sekali gus membolehkan Proton memiliki akses kepada model, platform, rangkaian kuasa dan teknologi Suzuki selain menyediakan bantuan teknikal spesifik untuk produk serta skop terpilih.

"Suzuki ialah sebuah syarikat automotif yang sangat berjaya terutama di negara membangun dan Proton perlu belajar dan bekerjasama dengan syarikat ini kerana mempunyai teknologi dalam kereta kompak dan kereta kecil.

"Sebelum ini Proton tertumpu kepada kereta 1,000cc ke atas tetapi kami rasa ada permintaan untuk segmen kereta kompak di pasaran Malaysia dan kami perlu memasukkannya.

"Kerjasama seperti ini sering dilakukan industri automotif dalam usaha untuk mengurangkan kos, mengoptimalkan operasi dan meneroka potensi pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman MoU dan perjanjian lesen (LA) antara Proton, Suzuki dan DRB-Hicom Berhad di

sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed; Pengerusi DRB-Hicom, Datuk Syed Mohamad Syed Murtaza; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Suzuki, Osamu Suzuki dan Duta Jepun Ke Malaysia, Makio Miyagawa.

Mengulas lanjut, Mahathir berkata, fasa pertama pengeluaran kereta kompak melalui kerjasama berkenaan di jadual bermula dalam tempoh 16 bulan akan datang di kilang milik Proton di Tanjung Malim.